

Cara Memupuk Semangat Patriotisme

Semangat patriotisme bermaksud semangat cinta kepada negara iaitu menyayangi negara tempat kita dilahirkan dan dibesarkan. Remaja kurang semangat patriotisme kerana tidak merasai kesusahan hidup semasa zaman penjajahan, contohnya orang yang hidup zaman penjajahan Jepun di Tanah Melayu pasti teringat semasa mereka menghadapi kesusahan untuk mendapat bekalan makanan dan pakaian. Mereka pasti akan rasa bertuah kerana hidup pada masa kini lebih baik. Remaja yang tidak mempunyai semangat patriotisme lebih mudah untuk berhijrah ke negara asing jika negara kita mengalami kesusahan seperti masalah ekonomi, bencana alam dan sebagainya. Justeru, kita perlu mencari berbagai-bagai cara untuk memupuk semangat patriotisme.

Cara pertama untuk memupuk semangat patriotisme ialah ibu bapa perlu memainkan peranan. Ibu bapa boleh mengajak anak-anak ke tempat bersejarah. Contoh tempat bersejarah yang boleh dilawati ialah Kota 'A' Famosa di Melaka. Ibu bapa juga boleh menceritakan tentang kejatuhan kerajaan Melaka dan Portugis membina 'A' Famosa. Ibu bapa juga boleh bercerita kepada anak-anak tentang kisah bagaimana tokoh zaman dahulu membangunkan negara. Ibu bapa boleh membelikan anak-anak buku, DVD dan sebagainya yang mengandungi isu-isu berkaitan patriotisme. Perkara ini sesuai dilakukan kepada anak-anak sejak kecil kerana "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Jelaslah ibu bapa merupakan orang yang kuat mempengaruhi anak-anak dengan semangat patriotisme.

Selain itu, pihak sekolah perlu memainkan peranan utama. Pelajar-pelajar menghabiskan masa selama lebih daripada 6 jam setiap hari di sekolah. Justeru, peluang sangat terbuka kepada guru untuk menerapkan elemen patriotisme melalui pelbagai mata pelajaran seperti Sejarah, Sivik dan Kewarganegaraan, Bahasa Melayu, Geografi dan sebagainya. Guru juga boleh mengajak pelajar-pelajar menyertai pelbagai seperti ucapan, pidato, bahas dan sebagainya. Pada bulan kemerdekaan, guru boleh mengajak pelajar menyertai sambutan hari kemerdekaan. Antara acara yang boleh dijalankan termasuk nyanyian lagu patriotik, tayangan filem berkaitan semangat patriotik dan sebagainya. Jelaslah, pihak sekolah turut sama berperanan untuk menyemai semangat patriotisme dalam kalangan pelajar sepanjang tahun mereka berada di sekolah.

Pihak yang bertanggungjawab hendaklah menjalankan kempen secara besar-besaran melalui media massa. Kempen-kempen yang berkaitan dengan semangat patriotisme ini akan memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan

semangat patriotik dalam kalangan masyarakat di negara kita. Kementerian Penerangan Malaysia di samping media elektronik seperti televisyen dan radio memang berkesan untuk menyuburkan dan meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Dengan perkataan lain, televisyen dan radio hendaklah menyiarkan rancangan atau program yang dapat meningkatkan semangat patriotik seperti menyiarkan rencana tentang pejuang-pejuang kemerdekaan negara. Selain itu, media elektronik itu juga hendaklah menyiarkan filem seperti "Bukit Kepong", "Paloh" dan drama-drama yang berkaitan dengan semangat cinta akan negara. Jelaslah bahawa media massa juga seharusnya memainkan peranan dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab pula perlulah menjalankan aktiviti yang bersesuaian dengan usaha untuk meningkatkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat agar dapat memupuk semangat ini. Aktiviti tersebut boleh dijalankan di kampung-kampung dan juga di kawasan perumahan. Aktiviti seperti sambutan hari kemerdekaan pada peringkat taman perumahan dan kampung perlulah digalakkan. Di samping itu, Jabatan Penyiaran atau stesen televisyen juga perlu mengadakan forum tentang semangat patriotik dengan menjemput tokoh-tokoh akademik daripada pelbagai bangsa dan juga tokoh masyarakat yang memperjuangkan semangat kemerdekaan suatu masa dahulu. Aktiviti tersebut bukan sahaja dapat memupuk semangat patriotik malahan dapat mengeratkan perpaduan antara kaum di negara kita. Jelaslah bahawa peranan kerajaan juga dapat memupuk semangat patriotisme pelbagai kaum di negara kita.

Kesimpulannya, cara untuk memupuk semangat patriotisme perlulah dijalankan sepanjang masa tanpa henti. Hal ini demikian kerana dapat melahirkan warganegara yang cinta akan negara dan menjadi individu yang berguna kepada bangsa dan negara. [www.razimah94@blogspot.com](http://www.razimah94.blogspot.com)